

## **KECENDERUNGAN POLITIK DALAM KALANGAN BELIA WANITA DI PERAK**

*(Political Trends Among Women Youths in Perak)*

Siti Noranizahhafizah Boyman

### **ABSTRAK**

Artikel ini mengkaji kecenderungan politik dalam kalangan belia wanita di Perak. Pengaruh belia dalam menentukan perubahan boleh menjadi signifikan dengan jumlah belia yang semakin meningkat kepada 13.4 juta pada 2010 daripada 10.8 juta bersamaan 41 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2005. Di Perak pengundi belia berjumlah 37 peratus iaitu 522,536 orang daripada 1,409,045 keseluruhan pengundi pada Pilihan Raya Umum 2013. Manakala dari segi komposisi, belia lelaki adalah seramai 270,237 orang dan perempuan 252,536 orang. Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki penglibatan belia wanita dalam politik, kecenderungan dan pilihan mereka tentang politik. Bagi mendapatkan data yang diperlukan, penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti daripada responden iaitu 416 orang atau 92.4 peratus tidak melibatkan diri sebagai ahli dalam parti politik. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan belia wanita dalam politik adalah rendah dan sikap mereka terhadap aktiviti politik amatlah pasif. Belia wanita hanya melibatkan diri dalam aktiviti politik secara formal seperti mengundi dalam pilihan raya. Akhir sekali, hasil analisis menggambarkan bahawa penglibatan belia wanita di Perak adalah disebabkan oleh sikap peribadi ingin melibatkan diri dalam aktiviti politik. Implikasinya kecenderungan dan penglibatan belia wanita dalam politik agak pasif. Oleh itu, perlu ada satu anjakan kepada penglibatan belia wanita dalam politik di Perak agar selari dengan politik semasa dan menjadi pelapis kepada pemimpin-pemimpin wanita pada masa hadapan.

**Kata kunci:** Kecenderungan politik, belia wanita, belia, politik, Perak

### **ABSTRACT**

This article examines the political tendency among women youths in Perak. The influence of youths in determining the change maybe significant because of the growing number of youths from 10.8 million equivalent to 41 percent of Malaysia's total population in 2005 to 13.4 million in 2010. In Perak, the number of youth voters is 37 percent or 522,536 people from 1,409,045 overall voters in the 2013 General Election. In terms of composition, 270, 237 are males while 252,536 are women youths. This study investigates the involvement, tendency and preference of women youths in politics. To obtain the required information, this study uses a quantitative approach and the data are collected through survey research method. The findings indicate that the majority of respondents, numbering 416 or 92.4 percent did not participate as a member of the political party. In addition, the findings show that the level of participation of women youths in politics is low and their attitude towards political activity is passive. Women youths only engage themselves in formal political activity such as voting during the election. Lastly,

the results of the analysis also show that the involvement of women youths in Perak in political activities is due to their own personal attitude. The implication about the tendency and involvement of women youths in politics is passive. Therefore, there should be a shift in the involvement of women youths in politics in Perak at par with present day politics and a succession plan for future female leaders.

**Keywords:** (Political trends, youths, women, politics, Perak)

## PENGENALAN

Politik di Malaysia telah mengalami perubahan yang signifikan. Perubahan ini dilihat daripada sebelum merdeka, pasca merdeka dan kini. Begitu juga dengan penglibatan belia dalam politik semasa yang membawa kepada perubahan yang tidak dapat disangkal lagi (Muhammad, 1973; Junaidi et. al., 2012; Junaidi et. al., 2014). Perkara ini boleh dilihat melalui Jadual 1, keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 dan 2013, pengaruh belia dalam menentukan perubahan boleh menjadi signifikan kerana jumlah belia yang semakin meningkat iaitu 10.8 juta iaitu bersamaan 41 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2005 dan meningkat kepada 13.4 juta pada 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013).

Jadual 1: Perbandingan Keputusan Pilihan Raya DUN 2008 dan 2013 Negeri Perak

Parti	PRU 2008		PRU 2013	
	Tanding	Menang	Tanding	Menang
BN	59	28	59	31
PAS	21	6	22	5
PKR	20	7	19	5
DAP	18	18	18	18
BERJASA	-	-	2	0
PSM	-	-	1	0
Bebas	2	0	22	0
Jumlah	-	59	-	59

Sumber: Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya (2009; 2015)

Jika di negeri Perak, keputusan PRU 2008 dan 2013 seperti di jadual 1 adalah signifikan kerana pengundi belia membawa 37 peratus daripada keseluruhan pengundi (Siti Noranizahhafizah & Jayum, 2013; 2016). Jumlah pengundi di Perak berdasarkan *Youth Data Bank System* adalah seramai 1, 409, 045 orang merangkumi lelaki 697, 961 dan perempuan 711,084 orang. Manakala pengundi belia ialah 37 peratus iaitu seramai 522, 773 meliputi lelaki 270, 237 dan perempuan 252, 536 orang. Jumlah ini menunjukkan belia wanita dan lelaki mempunyai kuasa undi yang tidak jauh bezanya. Perkara ini membawa makna pilihan politik belia signifikan dalam menentukan hala tuju masa depan negara (Moser, 1989; Khairunnisa & Zakaria, 2013; Haryati, 2014). Maka, artikel ini menyelidiki kecenderungan belia wanita dalam politik, penglibatan serta pandangan mereka tentang politik. Artikel ini memberi fokus kepada belia wanita kerana pertamanya, jumlah belia wanita yang hampir sama banyak dengan belia lelaki menjadikannya signifikan untuk dikaji. Keduanya, peranan dan kepentingan penglibatan belia wanita dalam politik (Haryati, 2014). Belia sama ada lelaki atau wanita penting dalam menentukan hala tuju masa depan negara.

## SOROTAN LITERATUR

### Kajian Politik berkaitan Wanita di Malaysia

Antara sarjana yang telah menjalankan kajian tentang penglibatan wanita dalam politik ialah Sharifah Syahirah (2010) menjalankan kajian *Pemeriksaan representasi politik wanita di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU12), 2008*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perwakilan wanita dalam bidang politik di Malaysia. Hasil kajiannya menunjukkan tahap penglibatan politik dalam kalangan wanita telah meningkat menjelang PRU tahun 2008. Manakala Mohd Roslan & Siti Zafrina (2012) menjalankan kajian tentang *Wanita dan politik pilihan raya menurut perspektif Al-Quran*. Menurutnya, penglibatan wanita dalam politik di Malaysia bukan sesuatu yang baru. Pada zaman penjajahan, kaum wanita menubuhkan AWAS yang berusaha menentang penjajah. Walau bagaimanapun, terdapatnya kontroversi tentang persoalan penglibatan politik wanita dari sudut Islam seperti wajarkah wanita keluar dari rumah dan melibatkan diri dalam bidang politik. Persoalan ini turut menarik suara sokongan dan bantahan. Namun begitu, penglibatan wanita dalam bidang politik membolehkan keperluan mereka didengar.

Sementara itu, Azlina (2012) dalam kajian yang bertajuk "*Penyertaan wanita secara aktif dalam proses pembangunan negara telah memberi implikasi dan menimbulkan pelbagai persoalan gender dalam setiap lingkungan pembabitan wanita*". Artikel ini membincangkan kajian bertemakan gender di Malaysia yang dikenalpasti sejak tahun 1980 hingga 2000-an. Namun, tumpuan ke atas kajian-kajian tentang gender ketara bermula 1990 hinggalah ke hari ini meliputi soal perbezaan dan kesaksamaan gender hinggalah kepada persoalan transgenderisme. Begitu juga Khairunnisa & Zakaria (2013) menjalankan kajian tentang *Politik gender: perbandingan peranan wanita dan proses politik di Malaysia-Jepun: halangan dan prospek*. Penulisan ini bertujuan untuk membandingkan peranan wanita di Malaysia dan Jepun terhadap penglibatan mereka dalam politik. Hasil kajian mendapati, tahap penglibatan politik dalam kalangan wanita di Malaysia masih rendah. Perkara ini akan memberi impak negatif terhadap masa depan negara kerana gagal membawa keseimbangan dalam pembuatan keputusan negara.

Seterusnya, Ruhana (2013) membincangkan tentang *Tinjauan teori dan konsep: perjuangan wanita dalam politik di Tanah Melayu*. Berdasarkan kajian beliau, wanita telah menunjukkan penglibatan mereka terhadap bidang politik selepas menyesuaikan diri dengan unsur budaya, pendidikan dan persekitaran. Dapatan kajiannya menunjukkan pendekatan feminin ditunjukkan oleh wanita yang dipengaruhi oleh ideologi berhaluan kanan. Manakala pendekatan maskulin dapat dilihat atas ciri wanita yang dipengaruhi oleh ideologi berhaluan kiri yang melakukan perjuangan anti-penjajahan. Manakala Fatimi et. al. (2015) menjalankan kajian mengenai *Faktor-faktor penglibatan wanita Melayu dalam politik di Malaysia: amalan demokrasi dan dasar agama Islam*. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan faktor penglibatan wanita dalam bidang politik khususnya faktor amalan demokrasi dan faktor dasar agama. Hasil kajiannya mendapati, walaupun Malaysia belum mencapai hasrat tersebut, tetapi Malaysia telah mencatatkan titik berjaya pada langkah yang pertama, iaitu calon wanita mencecah 30 peratus dalam penamaan calon pilihan raya. Selari dengan itu, Nur Azyan (2015) dalam kajiannya mengupas perbincangan mengenai pandangan ulama tentang isu partisipasi wanita dalam politik. Dapatan kajiannya, menunjukkan kepimpinan wanita di dalam politik adalah dituntut di dalam Islam, malah ianya dilihat menjadi keperluan dan kewajipan bagi wanita untuk melibatkan diri dalam politik seterusnya menjadi pemimpin politik dalam konteks dunia masa kini. Cadangannya supaya semua pihak umumnya negara dan masyarakat terbuka

untuk menerima dan menyokong kepimpinan wanita terutama di dalam politik. Cadangan tersebut selari dengan kajian Fatimi et al., (2016).

Selanjutnya, Nor Rafidah et. al. (2017a) menjalankan kajian tentang *Faktor kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia (1980-2013)*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lapan faktor yang mempengaruhi kepimpinan wanita dalam bidang politik, iaitu budaya patriaki, diskriminasi, persepsi, agama, ekonomi, pendidikan, sosialisasi dan persekitaran. Kemudian beliau juga membuat kajian mengenai *Penglibatan politik: pemeraksanaan kepimpinan wanita di Malaysia (1980-2013)* (Nor Rafidah et. al., 2017b). Hasil kajiannya menunjukkan bahawa pemeraksanaan kepimpinan wanita dalam penglibatan politik di Malaysia dapat meningkatkan kesedaran wanita. Dapatan kajiannya juga mendapati golongan wanita kurang menjawat kepimpinan tertinggi parti adalah disebabkan oleh kelemahan wanita sendiri yang tidak peka dan tidak peduli dengan sokongan-sokongan daripada ketua cawangan dan pusat.

Kajian Muhammad Rahimi dan Bahiyah (2017) menjalankan kajian bertajuk “*Pembangunan kepimpinan wanita: membina ilmu watan bagi kepimpinan wanita menerusi kehidupan Tun Fatimah Hashim*”. Kajian ini tertumpu kepada aspek teoretis kepimpinan wanita berdasarkan pengalaman pemimpin wanita Melayu, sekali gus Malaysia iaitu Tun Fatimah Hashim (1924–2010). Kesignifikanan penyelidikan kepimpinan Fatimah Hashim adalah kerana kelahiran dan pembangunan kepimpinan beliau pada era pramerdeka dan awal pascamerdeka yang bercakerawalkan masyarakat konservatif-patriarki. Kajian ini menganjurkan agar penjelasan teoretis kepimpinan wanita berlandaskan ilmu watan dibangunkan. Kemudian, Fatimi (2017) menjalankan kajian tentang *Penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia, 1999-2008*. Hasil kajian menunjukkan terdapat empat faktor yang mendorong penglibatan wanita dalam pilihan raya. Antaranya ialah amalan demokrasi di Malaysia, hak asasi manusia dan dasar-dasar agama Islam yang membenarkan penglibatan wanita dalam pilihan raya dan pendidikan. Selain itu, sayap kiri muda yang diwujudkan dalam parti politik juga mendorong penglibatan politik bagi golongan wanita muda. Kajiannya juga mendapati bahawa jumlah wakil rakyat wanita menunjukkan pola peningkatan. Perkara tersebut merupakan fenomena sihat dalam politik Malaysia. Akhir sekali, Noor Atirah Eliya & Hasrina (2017) melakukan kajian tentang *Analisis faktor-faktor yang menyumbang kepada penglibatan politik dalam kalangan penduduk Pulau Pinang*. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa minat dan pengetahuan tentang politik merupakan faktor utama yang menyumbang penglibatan politik dalam kalangan penduduk di Pulau Pinang. Menurutnya, perbincangan interpersonal tentang isu politik dengan orang lain merupakan aktiviti yang amat penting dalam meningkatkan penglibatan politik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kecenderungan belia wanita dalam politik. Kajian ini dimulakan dengan menganalisis dokumen dan kemudian tinjauan (*survey*) atau kaji selidik dijalankan. Lokasi kajian ini dijalankan di kawasan terpilih iaitu Behrang (N.59), Canning (N.25) dan Manjoi (N.23). Ketiga-tiga DUN ini signifikan untuk mengkaji kecenderungan belia wanita dalam politik kerana pertama melengkapkan kawasan BN menang majoriti tinggi, menang majoriti tipis dan kawasan kalah. Selain itu, kawasan DUN ini juga mencakupi kawasan bandar dan luar bandar. Manakala sampel diambil menggunakan persampelan rawak mudah melibatkan Pusat Daerah Mengundi (PDM) di setiap DUN. Peratusan diambil mengikut

perkadaran populasi jumlah etnik dan jantina di setiap PDM. Penentuan jumlah sampel responden adalah berasaskan formula pengiraan Krejcie dan Morgan (1970).

Jadual 2: Persampelan

Kawasan DUN	Jumlah pengundi (Populasi)	Saranan sampel Krejcie & Morgan (1970)	Jumlah untuk kajian ini	Catatan
Behrang (N59)	22,953	Keseluruhan pengundi 109,363 Saranan =384 orang	150	Jumlah keseluruhan sampel ditingkatkan kepada 450 orang bagi meningkatkan kebolehan mengeneralisasikan dapatan kajian.
Canning (N25)	35,255		150	
Maanjo (N23)	51,155		150	

Seterusnya, data yang diperolehi akan diproses menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 23. Data-data yang dimasukkan ke dalam SPSS seterusnya dianalisis menggunakan statistik diskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan min yang diperolehi berdasarkan item soalan. Setelah maklumat diperolehi melalui SPSS, pengkaji akan menganalisis data mengikut keperluan objektif yang telah dinyatakan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Profil Responden

Penyelidik telah melakukan analisis profil responden dalam kalangan 450 orang belia wanita di negeri Perak. Analisis tersebut dibahagikan mengikut 10 aspek utama, iaitu kawasan Parlimen, Dewan Undangan Negeri (DUN), kawasan bandar dan luar bandar, tahun mengundi, umur, tahap pendidikan, sektor pekerjaan, pendapatan, etnik dan agama. 450 orang responden yang dipilih adalah daripada tiga DUN Canning (N25), Manjoi (N23) dan Behrang (N59) yang terletak di Parlimen Tambun (P63), Ipoh Timur (P64) dan Tanjong Malim (P77).

Jadual 3: Profil Responden

	Perkara	Kekerapan (n=450)	Peratus (%)
<b>Parlimen</b>	P63 Tambun	149	33.1
	P64 Ipoh Timur	147	32.7
	P77 Tanjong Malim	154	34.2
<b>Dewan Undangan Negeri (DUN)</b>	N23 Manjoi	149	33.1
	N25 Canning	147	32.7
	N59 Behrang	154	34.2
<b>Kawasan</b>	Bandar	124	27.6
	Luar bandar	326	72.4
<b>Tahun Mengundi</b>	1999	7	1.6
	2004	11	2.4
	2008	52	11.6
	2013	200	44.4
	Tidak pernah	180	40.0

<b>Umur</b>	18 hingga 20 tahun	57	12.7
	21 hingga 25 tahun	89	19.8
	25 hingga 30 tahun	74	16.4
	31 hingga 35 tahun	113	25.1
	36 hingga 40 tahun	117	26.0
<b>Tahap Pendidikan</b>	Tidak bersekolah	9	2.0
	Sijil	173	38.4
	Diploma	132	19.3
	Sarjana Muda	56	12.4
	Sarjana dan ke atas	3	0.7
	Lain-lain	77	17.1
<b>Sektor Pekerjaan</b>	Penjawat Awam	34	7.6
	Kerja Sendiri	127	28.2
	Pekerja Swasta	128	28.4
	Tidak bekerja	161	35.8
<b>Pendapatan</b>	RM 1500 dan ke bawah	238	52.9
	RM 1501 hingga RM 3000	138	30.7
	RM 3001 hingga RM 4500	58	12.9
	RM 4501 hingga RM 6000	10	2.2
	RM 6000 hingga RM 7500	4	0.9
	RM 7501 dan ke atas	2	0.4
<b>Etnik</b>	Melayu	288	64.0
	Cina	108	24.0
	India	46	10.2
	Lain-lain	8	1.8
<b>Agama</b>	Islam	287	63.8
	Kristian	45	10.0
	Hindu	27	6.0
	Buddha	91	20.2

Sumber: Data lapangan, 2018

Berdasarkan Jadual 3, daripada jumlah 450 orang responden, 149 orang responden adalah dari DUN Manjoi (N23) yang terletak bawah Parlimen Tambun (P63), 147 orang responden adalah dari DUN Canning (N25) bawah Parlimen Ipoh Timur (P64) dan 154 orang responden dipilih dari DUN Behrang (N59) bawah Parlimen Tanjong Malim (P77). Majoriti responden adalah berasal daripada luar bandar, iaitu sebanyak 326 orang (72.4 peratus) berbanding dengan 124 orang responden (27.6 peratus) daripada kawasan bandar.

Responden yang dipilih untuk menjalani kajian ini adalah dalam lingkungan umur 18 hingga 40 tahun. Analisis dalam aspek pendidikan mendapati seramai 441 orang daripada 450 orang responden pernah menerima pendidikan hingga peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan sebagainya. Hanya 9 orang responden yang tidak bersekolah dalam kajian ini. Manakala dari segi pendapatan, terdapat lebih separuh daripada jumlah responden adalah berpendapatan RM 1500 dan ke bawah, iaitu sejumlah 238 orang bersamaan dengan 52.9 peratus. Bakinya, 138 orang responden yang mewakili 30.7 peratus daripada jumlah keseluruhan adalah berpendapatan RM 1501 hingga RM 3000. Perkara ini menunjukkan sebahagian besar daripada responden yang terlibat tergolong dalam kumpulan B40.

Seterusnya ialah etnik dan agama responden, seramai 288 orang responden merupakan etnik Melayu, 108 orang responden etnik Cina, 46 orang responden India dan 8 orang

responden daripada etnik lain-lain dipilih untuk menjalankan kajian ini. Jumlah responden daripada etnik masing-masing adalah selaras dengan strata etnik di Malaysia. Manakala dari segi agama, daripada 450 orang responden, terdapat sebanyak 287 orang menganut agama Islam, Kristian sebanyak 45 orang, Hindu sebanyak 27 orang dan Buddha sebanyak 91 orang.

### **Maklumat Politik**

Maklumat politik dalam kajian ini merangkumi tiga aspek, iaitu perkembangan politik, perbincangan isu-isu politik dan pengaruh pilihan politik. Analisis data yang digunakan adalah kekerapan, peratus dan skor min bagi tujuan untuk mengetahui pilihan yang signifikan dan pola pilihan responden.

### **Perkembangan Politik**

Kekerapan mengikuti perkembangan politik dalam kalangan belia wanita negeri Perak dianalisis untuk mengetahui kecenderungan belia wanita dalam mengikuti perkembangan politik di Malaysia. Perkara ini adalah signifikan untuk mengenal pasti sama ada golongan belia wanita cenderung untuk mengambil tahu atau sebaliknya. Kekerapan responden mengikuti perkembangan politik dinilai melalui skala likert lima aras. Berdasarkan Jadual 4, kebanyakan responden adalah kadang-kadang mengikuti perkembangan politik. Pilihan “kadang-kadang” telah mencatatkan 204 orang responden iaitu 45.3 peratus daripada keseluruhan 450 orang responden. Manakala 44 orang atau 9.8 peratus tidak pernah mengikuti perkembangan politik.

Jadual 4: Kekerapan Responden Mengikuti Perkembangan Politik

<b>Kekerapan</b>	<b>Kekerapan (n=405)</b>	<b>Peratus (%)</b>	<b>Skor Min</b>
<b>Tidak pernah</b>	44	9.8	
<b>Jarang-jarang</b>	147	32.7	
<b>Kadang-kadang</b>	<b>204</b>	<b>45.3</b>	2.65
<b>Kerap</b>	33	7.3	
<b>Sentiasa</b>	22	4.9	

Sumber : Data lapangan, 2018.

Skor min bagi kekerapan responden mengikuti perkembangan politik adalah 2.65. Perkara ini menunjukkan bahawa kekerapan belia wanita mengikuti perkembangan politik secara keseluruhan adalah berada di tahap sederhana rendah.

Seterusnya Jadual 5, menunjukkan dengan lebih terperinci kekerapan mengikuti perkembangan politik mengikut etnik. Berdasarkan Jadual 5, didapati belia wanita daripada etnik India mencatatkan peratusan yang lebih tinggi daripada etnik lain dengan 13 peratus atau 6 orang tidak pernah mengikuti perkembangan politik. Kemudian, diikuti oleh belia wanita daripada etnik Melayu dengan 32 orang atau 11.1 peratus dan Cina seramai 6 orang atau 5.6 peratus.

Jadual 5: Mengikuti Perkembangan Politik mengikut Etnik

<b>Mengikuti Politik</b>	<b>Etnik (n=450)</b>				<b>Jumlah</b>
	<b>Melayu</b>	<b>Cina</b>	<b>India</b>	<b>Lain-lain</b>	
<b>Tidak pernah</b>	32	6	6	0	44
<b>Jarang-jarang</b>	86	39	17	5	147
<b>Kadang-kadang</b>	131	53	17	3	204

<b>Kerap</b>	23	7	3	0	33
<b>Sentiasa</b>	16	3	3	0	22
<b>Jumlah</b>	288	108	46	8	450

Sumber : Data lapangan, 2018

Seterusnya daripada kekerapan yang tertinggi mengikut perkembangan politik iaitu kadang-kadang dengan 204 responden atau 45.3 peratus, Jadual 4 menunjukkan etnik Cina mendahului dengan 49.1 peratus atau 53 orang. Kemudian diikuti dengan etnik Melayu 131 orang atau 45.5 peratus dan India 37 peratus bersamaan dengan 17 orang responden. Berdasarkan dapatan analisis yang diperolehi, dapat dikatakan belia wanita di Perak mempunyai kecenderungan pada tahap sederhana mengikut perkembangan politik dan belia wanita daripada etnik Cina lebih cenderung mengikut perkembangan politik berbanding etnik yang lain.

### Perbincangan Isu-isu Politik

Bahagian ini adalah untuk mengetahui dengan siapakah responden berbincang isu-isu politik. Item-item yang boleh dipilih oleh responden adalah keluarga, kawan rapat, kawan sekerja, jiran, ahli parti, majikan dan item lain-lain. Perbincangan isu-isu politik dinilai melalui penyusunan keutamaan responden berbincang isu-isu politik bersama dengan pilihan yang mereka selesa untuk berbincang.

Jadual 6: Perbincangan Isu-isu Politik

Perkara	Kekerapan (n=450)				Skor Min
	Sangat Penting	Penting	Sederhana Penting	Tidak Pilih	
<b>Keluarga</b>	<b>290</b>	<b>70</b>	<b>35</b>	<b>55</b>	<b>2.32</b>
<b>Kawan rapat</b>	79	224	68	79	1.67
<b>Kawan sekerja</b>	29	78	162	181	0.90
<b>Jiran</b>	36	48	126	240	0.73
<b>Ahli parti</b>	20	14	25	391	0.25
<b>Majikan</b>	1	12	12	425	0.09
<b>Lain-lain</b>	2	2	23	423	0.07

  

Perkara	Peratus (%)				Skor Min
	Sangat Penting	Penting	Sederhana Penting	Tidak Pilih	
<b>Keluarga</b>	<b>64.4</b>	<b>15.6</b>	<b>7.8</b>	<b>12.2</b>	<b>2.32</b>
<b>Kawan rapat</b>	17.6	49.8	15.1	17.6	1.67
<b>Kawan sekerja</b>	6.4	17.3	36.0	40.2	0.90
<b>Jiran</b>	8.0	10.7	28.0	53.3	0.73
<b>Ahli parti</b>	4.4	3.1	5.6	86.9	0.25
<b>Majikan</b>	0.2	2.7	2.7	94.4	0.09
<b>Lain-lain</b>	0.4	0.4	5.1	94.0	0.07

Sumber : Data lapangan, 2018

Penyusunan keutamaan adalah mengikut nombor 1 hingga 3 yang merujuk kepada sederhana penting (1), penting (2) dan sangat penting (3). Berdasarkan Jadual 6, keluarga



merupakan rakan yang paling utama bagi responden membincangkan isu-isu politik. Sebanyak 290 orang, iaitu 64.4 peratus memilih keluarga sebagai rakan yang paling penting dengan mencapai skor min yang paling tinggi, iaitu 2.32. Hal ini adalah kerana keluarga merupakan individu yang menjalin hubungan paling mesra dan mempunyai latar belakang sosial yang sama dengan responden. Justeru, responden lebih selesa untuk membincangkan isu-isu politik dengan ahli keluarga masing-masing. Seterusnya, kawan rapat juga merupakan pilihan selain daripada keluarga untuk membincangkan isu-isu politik. Sebanyak 79 orang, iaitu 17.6 peratus telah memilih kawan rapat sebagai rakan yang kedua penting untuk bersama-sama berbincang isu-isu politik dan kawan rapat telah mencapai skor min kedua tertinggi, 1.67. Perkara ini disebabkan oleh hubungan yang dijalinan dan kepercayaan di antara responden dengan kawan rapat. Oleh itu, responden juga mempunyai kecenderungan untuk berkongsi dan berbincang isu-isu politik dengan kawan rapat masing-masing.

### Pilihan Politik

Bahagian ini menanyakan kepada responden tentang siapa yang menentukan pilihan politik mereka. Pilihan politik dikenal pasti melalui penyusunan keutamaan antara beberapa individu oleh responden, misalnya diri sendiri, keluarga, kawan rapat, kawan sekerja, jiran, pemimpin masyarakat, media massa dan lain-lain. Jadual 7, menunjukkan hasil analisis pilihan responden berkaitan dengan siapa menentukan pilihan politik mereka.

Jadual 7: Menentukan Pilihan Politik

Perkara	Kekerapan (n=450)				Skor Min
	Sangat Penting	Penting	Sederhana Penting	Tidak Pilih	
Diri sendiri	262	57	26	105	2.06
Keluarga	82	215	55	98	1.62
Kawan rapat	29	77	160	184	0.89
Kawan sekerja	15	34	85	316	0.44
Jiran	29	8	42	371	0.32
Pemimpin masyarakat	25	32	37	356	0.39
Media massa	5	26	40	279	0.24
Lain-lain	1	1	6	442	0.02

  

Perkara	Peratus (%)				Skor Min
	Sangat Penting	Penting	Sederhana Penting	Tidak Pilih	
Diri sendiri	58.2	12.7	5.8	23.3	2.06
Keluarga	18.2	47.8	12.2	21.8	1.62
Kawan rapat	6.4	17.1	35.6	40.9	0.89
Kawan sekerja	3.3	7.6	18.9	70.2	0.44
Jiran	6.4	1.8	9.3	82.4	0.32
Pemimpin masyarakat	5.6	7.1	8.2	79.1	0.39
Media massa	1.1	5.8	8.9	84.2	0.24
Lain-lain	0.2	0.2	1.3	98.2	0.02

Sumber : Data lapangan, 2018

Berdasarkan Jadual 7, sebanyak 262 responden bersamaan dengan 58.2 peratus memilih diri sendiri menentukan pilihan politik dengan mencatatkan skor min tertinggi 2.06. Pilihan ini adalah yang tertinggi berbanding pilihan-pilihan yang lain. Perkara ini menunjukkan

belia wanita tidak mudah terpengaruh oleh orang lain dalam melakukan pilihan politik. Namun, keluarga juga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pilihan politik belia wanita dengan mencatatkan skor min 1.62 dan berada di kedudukan kedua penting dengan 47.8 peratus. Dapat dikatakan belia wanita di Perak cenderung memilih sendiri pilihan politik mereka. Walau bagaimanapun, pilihan seperti keluarga, kawan rapat dan sebagainya merupakan rakan yang mereka selesa untuk berkongsi pendapat dan berbincang isu-isu politik.

### **Penglibatan dalam Parti Politik**

Salah satu aspek yang signifikan untuk dikenalpasti oleh artikel ini adalah dari segi kecenderungan penglibatan belia wanita di Perak dalam parti politik. Adakah belia wanita ini menjadi ahli mana-mana parti politik? Jadual 8, menunjukkan hasil analisis berkaitan penglibatan responden dalam parti politik.

Jadual 8: Penglibatan dalam Parti Politik

<b>Petunjuk</b>	<b>Kekerapan (n=450)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Ya</b>	34	7.6
<b>Tidak</b>	416	92.4

Sumber : Data lapangan, 2018

Berdasarkan jadual tersebut, majoriti responden tidak melibatkan diri sebagai ahli dalam parti politik dengan mencatatkan bilangan 416 orang bersamaan dengan 92.4 peratus. Namun begitu, sebanyak 34 orang daripada jumlah responden, iaitu 7.6 peratus telah menjadi ahli dalam parti politik. Dapatan ini membawa maksud belia wanita di Perak tidak cenderung terlibat secara langsung dengan menjadi ahli mana-mana parti politik.

Jadual 9: Jawatan dalam Parti Politik

<b>Jawatan</b>	<b>Kekerapan (n=450)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Yang Di Pertua atau Pengerusi</b>	1	0.2
<b>Bendahari</b>	1	0.2
<b>Ahli Jawatankuasa</b>	6	1.3
<b>Ahli Biasa</b>	25	5.6
<b>Lain-lain</b>	1	0.2
<b>Tidak Berkaitan</b>	416	92.4

Sumber : Data lapangan, 2018

Seterusnya Jadual 9, menunjukkan jawatan yang disandang oleh responden yang terlibat secara langsung menjadi ahli dalam mana-mana parti politik. Mengikut jadual tersebut, kebanyakan responden hanya menjadi ahli biasa dalam parti politik, iaitu 25 orang daripada 34 orang yang terlibat dalam parti politik.

Kemudian aspek berikut yang dikenalpasti adalah kecenderungan pilihan parti politik belia wanita di Perak. Jadual 10 menunjukkan pilihan parti politik oleh responden. Berdasarkan jadual tersebut, sebanyak 194 orang responden (43.1 peratus) memilih Barisan Nasional (BN) sebagai parti pilihan mereka di peringkat parlimen dan mendapat sokongan sebanyak 193 orang responden, iaitu 42.9 peratus untuk peringkat DUN. Namun, pilihan lain responden juga signifikan terutamanya responden yang tidak bersedia menjawab kerana jumlahnya sebanyak

26.2 peratus di peringkat parlimen dan 25.6 peratus di peringkat DUN. Jika jumlah ini menyokong PH, sudah tentu memberi persaingan yang sihat kepada BN.

Jadual 10: Pilihan Parti Politik

Parti Politik	Parlimen		Dewan Undangan Negeri (DUN)	
	Kekerapan (n=450)	Peratus (%)	Kekerapan (n=450)	Peratus (%)
Barisan Nasional (BN)	194	43.1	193	42.9
Pakatan Harapan (PH)	73	16.2	82	18.2
Bebas	26	5.8	26	5.8
Tidak Mengundi	39	8.7	34	7.6
Tidak Bersedia Menjawab	118	26.2	115	25.6

Sumber : Data lapangan, 2018

Perbincangan seterusnya ialah memperincikan pilihan politik responden mengikut etnik di peringkat parlimen. Jadual di peringkat DUN tidak dibincangkan di dalam artikel ini kerana jumlah pilihan adalah hampir sama. Berdasarkan Jadual 11, pilihan terhadap parti BN di peringkat parlimen didahului dengan etnik Melayu, iaitu sebanyak 143 orang atau 49.7 peratus. Diikuti oleh etnik India dengan 21 orang atau 45.7 peratus dan 24 orang atau 22.2 peratus dari etnik Cina. Manakala responden yang membuat pilihan parti PH di peringkat parlimen juga didahului oleh etnik Melayu dengan 39 orang atau 53.4 peratus. Namun kedudukan kedua berubah kepada etnik Cina dengan 30 orang atau 41.1 peratus berbeza dengan jumlah pilihan parti BN berada di kedudukan ketiga. Akhir sekali, 5.5 peratus atau 4 orang responden memilih parti PH bagi etnik India. Manakala bagi responden yang tidak bersedia menjawab, etnik India mencatatkan kedudukan tertinggi dengan 37 peratus atau 17 orang, diikuti oleh 34.3 peratus bersamaan 37 orang responden etnik Cina dan 22.2 peratus atau 64 orang etnik Melayu.

Jadual 11: Pilihan Parti Politik Mengikut Etnik Peringkat Parlimen

Parti Politik	Etnik (n=450)				
	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Barisan Nasional (BN)	143	24	21	6	194
Pakatan Harapan (PH)	39	30	4	0	73
Bebas	15	7	2	2	26
Tidak Mengundi	27	10	2	0	39
Tidak Bersedia Menjawab	64	37	17	0	118
<b>Jumlah</b>	<b>288</b>	<b>108</b>	<b>46</b>	<b>8</b>	<b>450</b>

Sumber : Data lapangan, 2018

Dapatan dalam Jadual 10 menunjukkan kecenderungan belia wanita terhadap pilihan parti mengikut mengikut etnik. Hasil analisis mendapati etnik Melayu menduduki tempat pertama dalam setiap kategori pilihan parti, namun lebih cenderung memilih BN berbanding PH. Manakala belia wanita etnik Cina pula sebaliknya, lebih cenderung memilih PH berbanding BN. Namun bagi belia wanita etnik India, mereka cenderung memilih BN berbanding PH. Walau bagaimanapun, harus diambil kira jumlah responden yang tidak bersedia menjawab yang tinggi iaitu seramai 118 orang atau 26.2 peratus. Jumlah ini boleh menentukan perubahan pilihan.

## Penglibatan dalam Aktiviti Politik

Penglibatan dalam aktiviti politik dikenal pasti melalui 13 item yang merupakan aktiviti-aktiviti antaranya seperti mengundi dalam pilihan raya, melayari laman web politik, berkempen dalam pilihan raya, hadir ceramah politik, menyertai perhimpunan politik dan lain-lain (rujuk Jadual 12). Penglibatan belia wanita dalam aktiviti politik adalah signifikan untuk diketahui bagi menilai kecenderungan aktiviti politik yang selalu atau pernah mereka sertai. Jadual 12 menunjukkan hasil analisis penglibatan belia wanita dalam aktiviti politik di Perak. Skor min dikira untuk menilai aktiviti politik yang paling kerap dilakukan oleh belia wanita di negeri Perak.

Jadual 12: Penglibatan Aktiviti Politik

Perkara	Kekerapan (n=450)					Skor Min
	Tidak Pernah	Jarang-jarang	Kadang-kadang	Kerap	Sentiasa	
<b>a. Mengundi dalam pilihan raya</b>	<b>169</b>	<b>57</b>	<b>85</b>	<b>59</b>	<b>80</b>	<b>2.60</b>
b. Melayari laman web politik	197	97	113	26	17	2.04
c. Menyertai aktiviti parti politik	278	65	79	19	9	1.70
d. Berjumpa wakil rakyat	245	97	78	19	11	1.79
e. Berkempen dalam pilihan raya	329	47	52	13	9	1.50
<b>f. Mengambil tahu isu politik</b>	<b>120</b>	<b>114</b>	<b>152</b>	<b>40</b>	<b>24</b>	<b>2.40</b>
g. Menyertai perhimpunan politik	332	52	46	10	10	1.48
h. Perayu undi	411	12	14	5	8	1.19
i. Hadir ceramah politik	328	67	38	8	9	1.45
j. Memberi ceramah politik	404	23	14	2	7	1.19
k. Terlibat dengan program belia	256	90	63	27	14	1.78
<b>l. Mengambil tahu isu belia dalam politik</b>	<b>183</b>	<b>108</b>	<b>106</b>	<b>34</b>	<b>19</b>	<b>2.11</b>
m. Memberi cadangan dalam belanjawan negara	368	37	31	6	8	1.33

Sumber : Data lapangan, 2018

Berdasarkan Jadual 12, di dapati semua 13 item yang ditanyakan kepada responden pernah disertai walaupun tidak melibatkan semua responden. Hasil analisis juga menunjukkan aktiviti politik yang mendapat skor min tertinggi adalah mengundi dalam pilihan raya iaitu 2.60. Perkara ini menunjukkan belia wanita di Perak mempunyai kesedaran politik yang tinggi. Seterusnya, skor aktiviti politik kedua yang kerap dilakukan oleh belia wanita ialah mengambil tahu isu-isu politik dengan skor 2.40. Manakala skor aktiviti politik ketiga ini hampir sama dengan dengan aktiviti yang mendapat kedudukan yang kedua namun fokus kepada isu belia dalam politik dengan skor 2.11.

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan kecenderungan penglibatan belia wanita dalam aktiviti politik di negeri Perak bersifat penglibatan politik yang minima atau dikenali sebagai Laten dan Manifes secara formal (Ekman & Amna, 2012). Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap kecenderungan penglibatan belia wanita dalam politik adalah rendah dan sikap mereka terhadap aktiviti politik adalah amat pasif.

## Faktor Penglibatan Politik

Faktor penglibatan dalam politik merupakan salah satu aspek yang penting dalam artikel ini bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kecenderungan responden untuk terlibat dalam politik. Penyelidik mengemukakan lapan item pilihan untuk dipilih oleh responden melibatkan diri sendiri, keluarga, kawan rapat, kawan sekerja, jiran, pemimpin masyarakat, media massa dan lain-lain. Jadual 13 menunjukkan dapatan analisis berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan responden dalam politik.

Jadual 13: Pengaruh Penglibatan Politik

Perkara	Kekerapan (n=450)				Skor Min
	Sangat Penting	Penting	Sederhana Penting	Tidak Pilih	
Diri sendiri	<b>278</b>	<b>44</b>	<b>17</b>	<b>111</b>	<b>2.09</b>
Keluarga	74	211	67	98	1.58
Kawan rapat	19	100	160	171	0.93
Kawan sekerja	26	27	69	328	0.45
Jiran	21	15	43	371	0.30
Pemimpin masyarakat	28	31	36	355	0.40
Media massa	6	24	55	365	0.27
Lain-lain	0	3	3	444	0.02

  

Perkara	Peratus (%)				Skor Min
	Sangat Penting	Penting	Sederhana Penting	Tidak Pilih	
Diri sendiri	<b>61.8</b>	<b>9.8</b>	<b>3.8</b>	<b>24.7</b>	<b>2.09</b>
Keluarga	21.8	14.9	46.9	16.4	1.58
Kawan rapat	4.2	22.2	35.6	38.0	0.93
Kawan sekerja	5.8	6.0	15.3	72.9	0.45
Jiran	4.7	3.3	9.6	82.4	0.30
Pemimpin masyarakat	6.2	6.9	8.0	78.9	0.40
Media massa	1.3	5.3	12.2	81.1	0.27
Lain-lain	0	0.7	0.7	98.7	0.02

Sumber: Data lapangan, 2018

Berdasarkan Jadual 13, daripada lapan item pilihan yang diberi diri sendiri adalah faktor yang tertinggi dengan skor min 2.09 untuk responden terlibat dalam politik. Dapatan ini menunjukkan kecenderungan penglibatan politik dalam kalangan belia wanita adalah disebabkan oleh sikap diri sendiri yang ingin melibatkan diri dalam politik. Sebanyak 278 responden atau 61.8 peratus daripada jumlah keseluruhan mengatakan diri sendiri adalah faktor mereka terlibat dalam politik. Selain itu, keluarga dan kawan rapat juga mempunyai pengaruh terhadap penglibatan politik responden. Walau bagaimanapun, pengaruh keluarga dan kawan rapat adalah kurang signifikan sekiranya berbanding dengan diri sendiri.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menemukan beberapa perkara yang penting. Pertamanya, didapati majoriti daripada responden iaitu 416 orang atau 92.4 peratus tidak melibatkan diri sebagai ahli dalam parti politik. Keduanya, dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan belia wanita dalam politik adalah rendah dan sikap mereka terhadap aktiviti politik amatlah pasif. Hal ini kerana belia wanita hanya melibatkan diri dalam aktiviti politik secara formal seperti mengundi dalam pilihan raya. Akhir sekali, hasil analisis menggambarkan bahawa penglibatan belia wanita di Perak adalah disebabkan oleh sikap diri sendiri yang ingin melibatkan diri dalam aktiviti politik. Implikasinya, kecenderungan dan penglibatan belia wanita dalam politik yang agak pasif ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek antaranya ialah keterlibatan mereka dalam memacu pembangunan negara pada masa hadapan. Oleh itu, perlu ada satu anjakan kepada penglibatan belia wanita dalam politik di Perak agar selari dengan politik semasa dan menjadi pelapis kepada pemimpin-pemimpin wanita pada masa hadapan.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini adalah berdasarkan kepada projek penyelidikan bertajuk Kajian Penglibatan Belia Wanita dalam Politik di Perak. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan dan Inovasi Penyelidikan (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk Geran Penyelidikan Universiti (kod: 2017-0096-106-01) yang membantu membiayai penyelidikan. Ucapan penghargaan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberi sumbangan idea dan berkongsi ilmu pengetahuan sehingga penyelidikan ini siap dengan jayanya.

## **RUJUKAN**

- Azlina Abdullah. (2012). Literatur dan kajian tentang gender di Malaysia sejak 1980 hingga dekad 2000an. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 27-35.
- Ekman, J., & Amnå, E. (2012). Political participation and civic engagement: Towards a new typology. *Human affairs*, 22(3), 283-300.
- Fatimi Hanafi, Zulkarnain Abdul Rahman, & Arbaiyyah Mohd Noor (2015). Faktor-faktor penglibatan wanita Melayu dalam politik di Malaysia: amalan demokrasi dan dasar agama Islam. *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS) 2015*, 228 – 236.
- Fatimi Hanafi, Zulkanain Abdul Rahman, Arbaiyyah Mohd Noor & Mohd Roslan Mohd Nor. (2016). Hak asasi manusia dan penglibatan wanita dalam politik di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 11(1), 17-33.
- Fatimi Hanafi. (2017). *Penglibatan wanita Melayu dalam pilihan raya di Malaysia, 1999-2008/Fatimi Hanafi* (Tesis Ph.D, Universiti Malaya).
- Haryati Hasan. (2014). Isu-isu Wanita Dalam Manuskrip Melayu Abad ke 15 Hingga Abad ke 18. *Jurnal Perspektif*, 6(1), 36-48.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul Halim Sidek, & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2012b). Persepsi belia terhadap isu politik dan dasar kerajaan Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 7, 136-156.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, & Amer Saifude Ghazali. (2014e). Pembangunan Program Perumahan Rakyat (PPR) : Impak geopolitik di wilayah persekutuan Kuala Lumpur dalam pilihan raya umum 2004, 2008 dan 2013. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 1-23.

- Khairunnisa Ahmad Hamidi & Zakaria Mustafa. (2013). Politik Gender: Perbandingan peranan wanita dan proses politik di Malaysia-Jepun: Halangan dan prospek. Dlm. *Prosiding International Conference on Social Science Research*. P.Pinang: World Conferences.net.
- Khairunesa Isa & Mohamed Azrul Syam Mohamed Yusof. (2011). Penyertaan belia dalam aktiviti gerakan belia 4B di komuniti Petaling Jaya Selatan, Selangor Darul Ehsan. Dlm. *Kebangsaan Sains Sosial UNIMAS 2011: Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mapan*. CTF1 Kampus Barat: UMS.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Siti Zafrina Mohd Zahari. (2012). Wanita dan politik pilihan raya menurut perspektif Al-Quran. *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*, 358 – 374.
- Moser, Caroline O.N. (1989). Gender planning in the Third World: Meeting practical and strategical gender needs (eds). *World Development*, 17(11), 1799-1825
- Muhammad Abu Bakar. (1973). *Mahasiswa menggugat: Suatu analisa dan peninjauan dari dalam terhadap kegiatan mahasiswa-mahasiswa negeri ini*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid. (2017). Pembangunan kepimpinan wanita: membina ilmu watan bagi kepimpinan wanita menerusi kehidupan Tun Fatimah Hashim. *Kajian Malaysia*, 35(1), 91–116.
- Noor Atirah Eliya Mohd Nor, & Hasrina Mustafa (2017). Analisis faktor-faktor yang menyumbang kepada penglibatan politik dalam kalangan penduduk Pulau Pinang. *Sains Humanika*, 10(1), 37 – 47.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud, & Mohd Samsudin (2017a). Faktor kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika*, 87(3), 61 – 73.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud, & Mohd Samsudin (2017b). Penglibatan politik: pemeraksanaan kepimpinan wanita di Malaysia (1980-2013). *e-Bangi*, 12(1), 137 – 150.
- Nur Azyan Baharizan. (2015). Kepimpinan wanita dalam politik: Satu perbincangan tentang pandangan Ulama. Dlm. Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini (Eds), *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke arah Pemantapan Ummah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruhana Padzil (2013). Tinjauan teori dan konsep: Perjuangan wanita dalam politik di Tanah Melayu. *SARJANA*, 28(2), 1 – 20.
- Sharifah Syahirah Syed Sheikh. (2010). Pemeraksanaan representasi politik wanita di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU12). *The Journal of Administrative Science*, 7(1), 11–37.
- Siti Noranizahhafizah Boyman & Jayum Anak Jawan (2013). Politik 'katak' di Malaysia. Situasi selepas PRU 12? Dlm. *persidangan intelektual kebangsaan Malaysia 2013*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Noranizahhafizah Boyman & Jayum Anak Jawan (2016). Kegoyahan Pakatan Rakyat di Perak. Dlm Mohd Takiyuddin & Sity Daud (pnyt). *Pilihan raya umum ke-13 kesinambungan politik baru dan kekentalan politik lama*. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2009). *Laporan Pilihan Raya Umum Ke-12*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2015). *Laporan Pilihan Raya Umum Ke-13*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

## MAKLUMAT PENULIS

### SITI NORANIZAHAFIZAH BOYMAN

Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900, Tanjong Malim, PERAK.  
[noranizah@fsk.upsi.edu.my](mailto:noranizah@fsk.upsi.edu.my)